

كتاب الإيمان

1. KITAB IMAN¹

١- باب بيان الإيمان والإسلام والإحسان ووجوب الإيمان بإثبات قدر الله سبحانه وتعالى وبيان الدليل على التبري ممن لا يؤمن بالقدر

وإغلاظ القول في حقه

1. Bab: Penerangan Tentang Iman, Islam, Ihsan Dan Kewajiban Beriman Ttg Adanya Taqdir Allah S.W.T. Dan Keterangan Dalil Yang Menunjukkan Kepada Berlepas Diri Daripada Org Yang Tidak Beriman Dengan Taqdir Dan Bersikap Tegas Thdpnya.

¹ Al-Khaththabi berkata: "Sesetengah ulama berpendapat Islam dan iman itu sama jua. Az-Zuhri pula berpendapat Islam adalah ucapan dan iman adalah amalan. Yang betulnya ialah ma'na Islam itu lebih umum daripada ma'na iman. Dengan erti setiap orang mu'min mesti muslim. Tetapi tidak mesti setiap muslim itu mu'min. Dari segi bahasa 'Arab iman bererti mempercayai, menyakini, menerima dan membenarkan dengan hati. Sedangkan Islam pula bererti penyerahan diri dan tunduk atau patuh. Terkadang seseorang menjadi orang yang berserah diri secara zahir, tetapi tidak tunduk dan patuh secara batin dan terkadang dia menjadi orang yang mempercayai secara batin, tetapi tidak tunduk dan patuh secara zahir." Iman menurut istilah Syara' pula ialah membenarkan dengan hati, mengaku dengan lidah dan mengamalkan dengan anggota badan. Itulah sebabnya ia boleh bertambah dan berkurang. Inilah pegangan kebanyakan muhadditsin dan para ulama dari pelbagai aliran di kalangan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah. Banyak sekali dalil-dalil daripada al-Qur'an dan as-Sunnah yang menyokong pegangan mereka ini. Tidak ada perbezaan pendapat di antara para ulama tentang seseorang yang berikrar dan beramal tanpa ilmu dan pengetahuan tentang Rabbnya, maka orang tersebut tidak berhak mendapatkan sebutan nama mu'min. Jika dia mengetahuiNya dan beramal, tetapi membangkang dengan hatinya dan mendustakan tauhid yang telah dia ketahui, maka dia tidak berhak mendapatkan sebutan nama mu'min. Demikian juga jika dia yakin terhadap Allah s.w.t. dan seluruh rasulNya a.s., tetapi dia mengingkari dan tidak mengamalkan kewajiban-kewajiban yang sedia dima'lumi sebagai ajaran agama Islam, seperti sembahyang lima waktu dan berpuasa di bulan Ramadhan, maka dia juga tidak dinamakan mu'min. Iman menurut golongan Murji'ah tidak lebih daripada nama kepada membenarkan agama Islam dengan hati (تصديق بالجنان) semata-mata. Pengakuan dengan lidah (إقرار باللسان) dan melakukan suruhan agama dengan anggota badan (عمل بالأركان) bagi mereka bukan syarat dan bukan juga juzu' iman. Malah melakukan ma'shiat dan tidak melakukan keta'atan langsung tidak menjejaskan iman menurut mereka.

١- عَنْ يَحْيَى بْنِ يَعْمَرَ قَالَ كَانَ أَوَّلَ مَنْ قَالَ فِي الْقَدْرِ بِالْبَصْرَةِ مَعْبُدُ الْجُهَنِيِّ فَأَنْطَلَقْتُ أَنَا وَحُمَيْدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْحِمَيْرِيُّ حَاجَّيْنِ أَوْ مُعْتَمِرَيْنِ فَقُلْنَا لَوْ لَقِينَا أَحَدًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- فَسَأَلْنَاهُ عَمَّا يَقُولُ هَؤُلَاءِ فِي الْقَدْرِ فَوَفَّقَ لَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ دَاخِلًا الْمَسْجِدَ فَاسْتَفْتَنَاهُ أَنَا وَصَاحِبِي أَخَذْنَا عَنْ يَمِينِهِ وَالْآخَرُ عَنْ شِمَالِهِ فَظَنَنْتُ أَنَّ صَاحِبِي سَيَكِلُ الْكَلَامَ إِلَيَّ فَقُلْتُ يَا عَبْدَ الرَّحْمَنِ إِنَّهُ قَدْ ظَهَرَ قِبَلَنَا نَاسٌ يَقْرَأُونَ الْقُرْآنَ وَيَتَقَفَّرُونَ الْعِلْمَ - وَذَكَرَ مِنْ شَأْنِهِمْ - وَأَنَّهُمْ يَزْعُمُونَ أَنَّ لَاقَدَرَ وَأَنَّ الْأَمْرَ أَتَى قَدْ قَالَ فَإِذَا لَقِيتَ أُولَئِكَ فَأَخْبِرْهُمْ أَنِّي بَرِيءٌ مِنْهُمْ وَأَنَّهُمْ بُرَاءٌ مِنِّي وَالَّذِي يَخْلِفُ بِهِ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ لَوْ أَنَّ لَأَحَدِهِمْ مِثْلَ ذَهَبٍ فَأَنْفَقَهُ مَا قَبِلَ اللَّهُ مِنْهُ حَتَّى يُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ ثُمَّ قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ قَالَ بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- ذَاتَ يَوْمٍ إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ -صلى الله عليه وسلم- فَأَسْتَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَجْدَيْهِ وَقَالَ يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا. قَالَ صَدَقْتُ. قَالَ فَعَجَبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ وَيُصَدِّقُهُ قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ قَالَ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ قَالَ صَدَقْتُ قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ قَالَ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ. قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ قَالَ مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَتِهَا قَالَ أَنْ تَلِدَ الْأُمَةُ رَجُلًا وَأَنْ تَرَى الْحَفَاةَ الْعُرَاةَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّاءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ قَالَ ثُمَّ انْطَلَقَ فَلَبِثْتُ مَلِيًّا ثُمَّ قَالَ لِي يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مِنَ السَّائِلِ قُلْتُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ فَإِنَّهُ جَبْرِيلُ أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ

1- Yahya bin Ya'mar meriwayatkan, katanya: "Orang pertama yang membicarakan² tentang taqdir³ di Basrah ialah Ma'bad al-Juhani⁴. Pernah aku dan Humaid bin 'Abdir

² Untuk menafikannya serta mereka-reka sesuatu yang menyalahi kebenaran tentang taqdir itu.

³ Pegangan yang betul berkenaan taqdir itu ialah membenarkannya. Ertinya Allah s.w.t. telah mentaqdirkan segala sesuatu itu semenjak dahulu kala lagi, Dia tahu bilakah suatu perkara itu akan berlaku, dan ia sememangnya berlaku tepat seperti yang telah ditaqdirkanNya.

⁴ Namanya ialah Ma'bad bin Abdullah bin Muhammad, ada juga yang mengatakannya Ma'bad bin Khalid, yang sebetulnya tidak ada yang jelas. Dia adalah seorang penduduk Basrah dan

Rahman al-Himyari berangkat menunaikan ibadat haji atau `umrah. Kami berdua sepakat, jikalau bertemu dengan salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w., kami akan bertanyakannya tentang masalah taqdir itu<sup>5</sup>. Kebetulan pada ketika itu Abdullah bin `Umar bin al-Khatthaab masuk ke dalam masjid. Kami terus mendekati dan mengapitnya. Seorang di sebelah kanan dan seorang lagi di sebelah kiri beliau⁶. Aku mengira temanku akan menyerahkan kepadaku untuk berbicara⁷. Kerana itu, aku berkata: "Wahai Aba `Abdir Rahman!"<sup>8</sup> Sesungguhnya telah muncul di hadapan kami<sup>9</sup> orang-orang yang membaca al-Qur'an<sup>10</sup> dan para ilmuwan, mereka tidak mempercayai taqdir. Mereka menganggap semua hal berjalan begitu saja."<sup>11</sup> Ibnu `Umar berkata: "Kalau engkau bertemu mereka, katakan bahawa aku berlepas diri dari mereka dan mereka tidak ada kena mengena lagi denganku."¹² Demi Allah! Seandainya seseorang di antara mereka mempunyai emas sebesar bukit Uhud, lalu emas itu dinafkahkannya,¹³ Allah tetap tidak akan menerimanya selagi dia tidak mempercayai taqdir."¹⁴ Ibnu `Umar selanjutnya berkata: "Ayahku `Umar bin al-Khatthaab menceritakan kepadaku, katanya: "Pernah pada suatu hari ketika kami sedang duduk di samping Rasulullah s.a.w., tiba-tiba datang seorang lelaki dengan berpakaian amat putih dan berambut amat hitam. Sedikitpun tidak

merupakan salah seorang sahabat Hasan al-Basri, Dia telah dipenjarakan sampai mati oleh Hajjaj bin Yusuf, kononnya kerana kepercayaan karutnya tentang taqdir itu.

⁵ Yakni berkenaan penerimaan dan penafian taqdir itu, adakah ianya merupakan suatu pegangan yang betul dan berasas ataupun tidak.

⁶ Perbuatan ini ialah adab ketika berjalan bersama orang yang istimewa untuk menghormatinya.

⁷ Ini mungkin kerana dialah yang lebih berani dan lebih pandai bercakap berbanding sahabatnya itu, dalam riwayat lain disebutkan bahawa dialah yang lebih pandai bercakap, mungkin juga kerana sahabatnya itu seorang yang agak pemalu.

⁸ Dia memanggil dengan *kuniyah* beliau sebagai menghormati dan menyanjunginya. Perbuatannya yang hanya berpada dengan menyebut *kuniyah* Ibnu Umar sahaja itu menjadi bukti kebenaran penggunaan oleh golongan salafi yang tidak menyanjung-nyanjung seseorang itu walaupun ianya benar, Ibnu Umar ialah seorang ilmuwan yang terbilang, anak khalifah yang kedua Umar bin al-Khattab, namun mereka tidak menggelarkannya dengan gelaran yang hebat-hebat, bahkan perbuatan menyanjung seseorang secara berlebihan juga mungkin boleh menimbulkan fitnah.

⁹ Maksudnya di Basrah.

¹⁰ Yakni membacanya dengan elok dan menarik.

¹¹ Tanpa didahului oleh taqdir dan ilmu Allah tentangnya.

¹² Ibnu Umar berlepas diri daripada kepercayaan mereka yang tidak menerima taqdir itu, mereka pula tidak ada kena mengena dengan kepercayaannya yang menerima taqdir itu.

¹³ Pada perkara kebaikan dan jalan Allah.

¹⁴ Di sini jelaslah Ibnu Umar mengkafirkan orang yang menolak taqdir. Belanja yang tidak diterima oleh Allah itu ialah yang dilakukan oleh orang kafir, kerana iman itu ialah syarat untuk diterima amalan-amalan yang soleh.

terlihat padanya kesan-kesan perjalanan¹⁵ dan tidak ada seorangpun dari kami yang mengenalnya. Lalu ia duduk di hadapan Nabi dengan merapatkan kedua lututnya kepada kedua lutut Baginda s.a.w. dan meletakkan kedua telapak tangannya di atas kedua pahanya.¹⁶ Kemudian lelaki itu berkata: “Wahai Muhammad! beritahulah kepadaku tentang Islam”¹⁷. Jawab Nabi s.a.w.: “Islam itu ialah kamu bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan sembahyang¹⁸, menunaikan zakat¹⁹, berpuasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitillah jika engkau mampu pergi ke sana.” Lelaki itu berkata: “Benarlah engkau! Kami berasa hairan, kerana dia yang bertanya, tapi dia pula yang membenarkannya²⁰. Katanya lagi: “Beritahulah kepadaku tentang iman”²¹. Jawab Nabi: “Iman itu ialah engkau percaya kepada Allah²², para malaikatNya, kitab-kitabNya, para rasulNya, hari kemudian dan engkau percaya kepada taqdir, baik atau buruknya”. Lelaki itu berkata: “Benarlah engkau! Dia bertanya lagi: “Beritahulah pula kepadaku tentang ihsan. “Jawab Nabi: “Ihsan itu ialah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihatnya. Jika engkau tidak dapat melihatNya, maka sesungguhnya Dia sentiasa melihatmu”²³. Lelaki itu seterusnya berkata: “Beritahulah kepadaku tentang hari kiamat: “Jawab Nabi “Tidaklah orang yang ditanya lebih tahu dari yang bertanya”²⁴. Kata lelaki itu: “Kalau begitu beritahulah kepadaku tentang tanda-tandanya!” Jawab Nabi: “Bila hamba wanita

¹⁵ Seperti kesan debu dan peluh padanya. Di sini boleh difahami bahawa elok memakai pakaian yang elok-elok dan bersih ketika mahu bertemu dengan ahli-ahli ilmu, orang-orang yang berkedudukan, raja-raja dan sebagainya.

¹⁶ Ini ialah cara duduk orang yang ingin belajar dan menadah ilmu.

¹⁷ Hakikat Islam, bahagiannya dan rukunnya yang lima itu.

¹⁸ Sembahyang fardhu lima waktu.

¹⁹ Yang telah difardhukan pada asnaf-asnaf yang telah disebutkan di dalam al-Quran.

²⁰ Mereka berasa hairan kerana orang itu tidak seperti kebiasaan orang yang bertanya kerana tidak tahu, sebaliknya kata-katanya itu menunjukkan seolah-olah dia sudah tahu tentang apa yang ditanyakannya itu, padahal ketika itu hanya Nabi Muhammad saja yang mengetahui perkara tersebut.

²¹ Hakikat iman dan rukunnya yang enam.

²² Tentang kewujudanNya dan sifat-sifatnya.

²³ Ini adalah di antara kebijaksanaan Nabi Muhammad s.a.w., kerana sekiranya seseorang hamba itu fikir tuannya (Allah) sedang melihatnya melakukan ibadat, pastilah dia akan melakukannya dengan sepenuh hati dan seelok-elok yang boleh dilakukannya, dan dia juga tidak akan lalai. Semua ini adalah untuk menjaga keikhlasan hati dalam melakukan ibadat kepada Allah s.w.t.

²⁴ Inilah yang sepatutnya diucapkan oleh sesiapa saja yang disoal tentang suatu perkara yang tidak diketahuinya. Dengan mengatakan demikian, ia bukanlah akan merendahkan kedudukannya, sebaliknya akan menunjukkan dia adalah seorang yang warak, bertaqwa dan boleh diharap ilmunya.

melahirkan tuannya²⁵, dan bila kamu melihat orang-orang yang berkaki ayam, telanjang, miskin, penggembala kambing²⁶ berlumba-lumba dan saling berbangga-bangga dalam mendirikan bangunan-bangunan yang tinggi²⁷. Kemudian lelaki itu pergi dan aku (kata 'Umar) terdiam beberapa lama. Kemudian Nabi berkata: "Wahai Umar tahukah kamu siapakah lelaki itu? Jawabku: "Hanya Allah dan RasulNya yang lebih tahu"²⁸. Kata Nabi: "Itulah Jibril yang datang kepadamu untuk mengajarkan agamamu"²⁹.

باب الْإِيمَانُ مَا هُوَ وَيَأْنُ خِصَالِهِ

Bab Hakikat Iman Dan Penjelasan Bahagian-Bahagiannya.

٢ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- يَوْمًا بَارِئًا لِلنَّاسِ فَأَتَاهُ رَجُلٌ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِيمَانُ قَالَ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتَابِهِ وَلِقَائِهِ وَرُسُلِهِ وَتُؤْمِنَ بِالتَّبَعِثِ الْآخِرِ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِسْلَامُ قَالَ الْإِسْلَامُ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا تُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَتَقِيمَ الصَّلَاةَ الْمَكْتُوبَةَ وَتُؤَدِيَ الزَّكَاةَ الْمَفْرُوضَةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِحْسَانُ قَالَ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنَّكَ إِنْ لَا تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَتَى السَّاعَةُ قَالَ مَا الْمَسْتُوْلُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ وَلَكِنْ

²⁵ Berkenaan ini ada tiga pendapat:

1. Orang-orang Islam akan menguasai negeri-negeri orang kafir dan dan mendapat ramai tawanan perang. Anak yang dilahirkan oleh seorang hamba perempuan hasil daripada tuannya itu sama mulia seperti bapanya. Ini menunjukkan salah satu tanda kiamat itu ialah orang-orang Islam akan menang besar dalam menakluki negeri-negeri orang kafir.
2. Tuan-tuan hamba akan menjual ummu walad-ummu waladnya secara berleluasa sehingga dia mungkin dibeli oleh anak-anaknya sendiri tanpa disedari, lalu anaknya itu pula menjadi tuannya. Ini menunjukkan salah satu tanda kiamat itu ialah masyarakat tidak tahu lagi tentang keharaman menjual ummu walad kerana mereka telah mengabaikan hukum syarak, pendapat ini sesuai dengan jumhur ulama yang mengharamkan menjual mereka, berkemungkinan juga mereka dijual dalam keadaan mengandung yang mana hukumnya haram dengan ijmak ulama.
3. Gejala anak derhaka telah menjadi satu perkara biasa, seseorang anak itu akan melayan ibunya seperti seorang hamba abdi. Ini juga adalah satu tanda kiamat.

²⁶ Disebutkan penggembala kambing kerana biasanya merekalah golongan yang paling miskin lemah di dalam sesebuah negara.

²⁷ Ertinya orang-orang miskin bakal mendapat harta yang melimpah-ruah sehingga mereka mampu untuk membina bangunan-bangunan pencakar langit, bahkan saling bertanding pula sesama mereka.

²⁸ Maksudnya lebih tahu daripada kami tentang identiti orang itu, walaupun kami sudah agak yang dia itu samada jin atau malaikat.

²⁹ Ini menunjukkan Iman dan Ihsan itu juga dipanggil agama.